

UM291008-Lebih 3 juta pokok bakau ditanam atasi tsunami

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUANTAN 28 Okt. - Lebih tiga juta pokok bakau dan beberapa spesies lain ditanam di sepanjang pesisiran pantai negara membabitkan kawasan seluas 1,233.9 hektar bertujuan mengurangkan kesan ombak besar termasuk tsunami.



Timbalan Ketua Setiausaha Azmi Che Mat (kiri) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azmi Che Mat berkata, daripada jumlah tersebut, kira-kira 2.4 juta batang pokok ditanam di Semenanjung meliputi keluasan 736.8 hektar.

"Sebanyak 804,828 batang pokok lagi ditanam di Sabah dan 228,740 di Sarawak meliputi kawasan seluas masing-masing 398.6 dan 98.5 hektar," katanya pada Seminar Pemuliharaan Hutan Persisiran Pantai Negara 2008 di Kuantan, Pahang, semalam.

Azmi berkata, penanaman itu adalah susulan daripada peruntukan sebanyak RM40 juta melalui Rancangan Kesembilan (RMK-9) bagi melaksanakan program penanaman pokok bakau dan spesies yang sesuai di pesisiran pantai negara sebelum ini.

Menurutnya, perlindungan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut itu dilakukan sebagai langkah pencegahan ekoran kejadian tsunami yang pernah melanda negara sebelum ini.

Selain itu, jelasnya, hutan pesisiran pantai termasuk paya laut memainkan peranan penting sebagai benteng memecah, menahan dan mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak terhadap pantai.

Tambahnya, hutan pesisiran pantai adalah pelindung fizikal secara semula jadi dan merupakan suatu ekosistem unik yang menjadi habitat kepada pelbagai flora dan fauna serta hidupan marin.

Katanya, program penanaman pokok bakau dan spesies lain di pesisiran pantai antara lain bertujuan mengurangkan kejadian hakisan dan pemendapan selain mengelak berlaku kejadian banjir besar.

Program itu, jelasnya, bertujuan menahan gelombang arus yang kuat bagi mengelak atau mengurangkan kadar kemasuhanan infrastruktur serta harta benda pada tahap minimum akibat kesan pukulan ombak besar seperti tsunami.